

# Rakaman aib 15 saat dalam bilik air

Perbuatan doktor rakam intip pembantu klinik dalam tandas akhirnya terbongkar

Oleh Yusmizal Dolah Aling  
yusmizal@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Seorang pembantu am sebuah klinik di Melaka berdepan detik memalukan apabila menjadi mangsa rakam intip oleh majikannya ketika berada di dalam tandas.

Kejadian berlaku awal bulan lalu ketika wanita itu berada di dalam tandas sebuah klinik tempat dia bekerja.

Mangsa yang mahu dikenali sebagai Mona, 30-an berkata, dia hanya menye-

**Saya terkejut selepas mendapati wujud rakaman video 15 saat ketika saya sedang membuang air besar"**

Mona

dari perkara itu selepas terdapat telefon bimbit digunakan majikannya yang juga seorang doktor.

Dia kemudian menghubungi suaminya untuk memaklumkan kejadian itu yang kemudian meminta penjelasan doktor terbabit.

"Doktor itu bagaimanapun tidak mengaku perbuatannya itu sebelum suami saya memeriksa telefon bimbit milik lelaki terbabit.

"Saya terkejut selepas mendapati wujud rakaman video 15 saat ketika saya sedang membuang air besar," katanya ketika membuat aduan kepada Pengarah Advokasi Khidmat Guam Mahmud Jumaat.

Mona berkata, dia tidak pasti berapa lama rakaman itu dibuat namun berasa malu selepas mengetahui menjadi mangsa intip.

Katanya, sebaik memaklumkan laporan polis akan dibuat berhubung kejadian itu, doktor terkejut dan



MAHMUD menunjukkan video pembantu am sebuah klinik di Melaka yang dirakam intip oleh majikannya.

dian membuat 'tawaran' untuk menyelesaikan isu itu tanpa membabitkan pihak berkuasa.

"Pada awalnya saya ber-setuju kerana tidak mahu memanjangkan kes berkenaan untuk menjaga aib sendiri.

"Namun disebabkan dia memungkiri janji, saya rasa tertipu dan diperdaya. Saya dinaikahartikan RM1.508 billion

dang-undang," katanya.

Sementara itu, Mahmud berkata, pihaknya menerima banyak kes gangguan seksual seperti itu sebelum ini dan menasihatkan mangsa membuat laporan polis terlebih dulu.

Katanya, dalam kes tertentu ia akan mengakibatkan kerugian kepada mangsa yang mungkin trauma dan tidak lagi boleh bekerja

"Mangsa juga boleh membuat laporan kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP) demi menuntut ganti rugi memandangkan dia tidak boleh lagi bekerja di situ.

"Kes seperti ini boleh diasas mengikut Seksyen 354 dan Seksyen 509 Kanun Keseksaan atas kesalahan gangguan seksual dan menaibkan kehormatan," katanya.